

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN HALAL DI HALAL INDUSTRY DEVELOPMENT CORPORATION (HDC)

HALAL TEACHING AND LEARNING IN HALAL INDUSTRY DEVELOPMENT CORPORATION (HDC)

Setiyawan Gunardi¹
Ahmad Fakhrusy Syakirin Hashim²

¹Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: setiyawan@usim.edu.my)

²Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia.

Accepted date: 25 November 2018

Published date: 14 April 2019

To cite this document: Setiyawan Gunardi & Ahmad Fakhrusy Syakirin Hashim (2019). Pengajaran dan Pembelajaran Halal di Halal Industry Development Corporation (HDC). *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 4(19), 63-71.

Abstrak: Perkembangan industri halal telah mengubah corak dan rentak ahli perniagaan dan masyarakat di Malaysia pada masa kini. Oleh hal yang demikian, bagi menggerakkan perniagaan industri halal ini, institusi pengajaran dan pembelajaran halal perlu ditubuhkan agar sektor halal dapat disebarluaskan secara menyeluruh. Halal Industry Development Corporation (HDC) adalah sebuah industri yang bergerak dalam memberikan nasihat, pengajaran dan pembelajaran mengenai industri perniagaan yang mengeluarkan produk halal. Kertas kerja ini bertujuan untuk mengenalpasti perkhidmatan yang disediakan oleh HDC. Selain itu juga, menjelaskan model pengajaran dan pengajaran yang ditawarkan pihak HDC yang diperlukan industri halal dalam menjaga kedudukan produk halal dijamin halal. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif deskriptif melalui rujukan kepada sumber kepustakaan berdasarkan kitab-kitab, buku-buku ilmiah dan sumber laman sesawang kemudian pada akhir setelah data terkumpul akan dianalisis untuk mendapat hasil kajian tersebut secara teori dan aplikasi. Hasil kajian mendapati bahawa HDC mempunyai perkhidmatan bimbingan, pengajaran dan pembelajaran halal yang berasaskan konsep ujrah yang selari mengikut prinsip syariah. Implikasi kajian ini bahawa HDC ini memberi sumbangan ekonomi Malaysia selaku institusi yang bergerak dalam bidang halal melalui kepelbagaiannya sektor perkhidmatan sama ada untuk kerajaan maupun masyarakat.

Kata Kunci: Pengajaran, Pembelajaran, Produk Halal, Ujrah, HDC

Abstract: The development of the halal industry has transformed the current and emerging business and community leaders in Malaysia. Therefore, to mobilize the halal industry business, halal teaching and learning institutions need to be set up so that the halal sector can be disseminated widely. Halal Industry Development Corporation (HDC) is an industry engaged

in providing advice, teaching and learning about the business industry that manufactures halal products. This paper aims to identify the services provided by HDC. Additionally, explains the teaching and teaching model offered by the HDC which is required by the halal industry in maintaining the halal halal product. This study uses descriptive quantitative methods through references to literary sources based on books, scientific books and website resources and later on after the collected data will be analyzed to get the results of the study in theory and application. The findings show that HDC has halal guidance, teaching and learning services based on the concept of ujrah which is in line with syariah principles. The implication of this study is that HDC contributes to the Malaysian economy as a halal-moving institution through the diversity of services sector both for the government and society.

Keywords: Teaching, Learning, Halal Products, ujrah, HDC

Pendahuluan

Perkembangan industri halal di Malaysia semakin banyak dibincangkan di peringkat global. Panduan halal adalah salah satu isu kontemporari yang amat diperlukan dalam mengerakkan pendidikan halal. Muslim menjadikan halal sebagai salah satu elemen penting yang wajib dalam semua perkara, manakala ahli perniagaan (*Business Player*) memerhatikan unsur halal penting untuk mengembangkan perniagaan dan empayar mereka sehingga ke tahap yang lebih tinggi bertaraf global dan sekaligus dapat memenuhi kewajipan mereka untuk ummah.

Perkhidmatan bimbingan halal adalah salah satu faktor penting dalam HDC untuk menyediakan perkhidmatan nasihat halal dan program latihan halal kepada ahli perniagaan dan masyarakat. Dalam melaksanakan perkhidmatan ini, upah tenaga kerja perlu diberi penekanan secara terperinci/khusus. Perkhidmatan berbayar ditentukan dari majikan diambil kira secara kolektif berdasarkan Peraturan Kadar dan Syarat Bayaran melalui Pekeliling Perbendaharaan dan Akta Pekerja di Malaysia.

Sebagaimana di Malaysia kita dapat lihat pertumbuhan industri menuju ke arah halal semakin banyak. Oleh demikian, kajian ini akan memberi fokus kepada bimbingan perkhidmatan di Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) yang berasaskan konsep ujrah. Secara umumnya, HDC memberi tumpuan piawaian halal, audit dan pensijilan, juga ditambah dengan pembinaan kapasiti bagi produk dan perkhidmatan halal.

Objektif Kajian

Untuk mendapat hasil kajian baik, terdapat beberapa objektif sebagaimana berikut:

1. Mengenalpasti perkhidmatan yang disediakan oleh HDC dengan cara menjelaskan model pengajaran yang ditawarkan pihak berkaitan yang diperlukan industri halal dalam menjaga kedudukan produk halal dijamin halal.
2. Menjelaskan prinsip ujrah yang digunakan HDC dalam produk-produk perkhidmatan secara menyeluruh, sehingga ujrah boleh difahami secara teori dan aplikasi.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif deskriptif melalui rujukan kepada sumber kepustakaan berdasarkan kitab-kitab, buku-buku ilmiah dan sumber laman sesawang kemudian pada akhir setelah data terkumpul akan dianalisis untuk mendapat hasil kajian tersebut secara teori dan aplikasi.

Makna ujrah dilihat daripada kajian kepustakaan dengan merujuk kepada kitab-kitab turath, jurnal dan buku ilmiah. Kemudian membuat catatan hasil bacaan dengan cara membuat peta minda (literature map) dan topik yang berkaitan secara teliti. Membuat kajian kepustakaan dengan menyusunnya berdasarkan teori-teori dan konsep-konsep penting yang berkaitan dengan topik. Pada akhir kajian kepustakaan, kemukakan pandangan umum tentang topik penelitian yang dilakukan berdasarkan literatur yang ada. Kesemua bahan-bahan ini semestinya mempunyai kelebihan dan kekurangan yang tersendiri. Oleh itu, pengharmonian dilakukan dengan teliti ketika menjalankan kajian ini agar dapat difahami dengan mudah.

Untuk mengenalpasti tentang HDC, dengan merujuk kepada laman sesawang: Malaysia. Halal Industry Development Corporation. Official web. <<http://www.hdcglobal.com/publisher/about>>. Accessed: 2008-2013. Melalui kaedah ini juga ianya dapat membantu dalam memahami dengan lebih lanjut mengenai mekanisme ujrah yang dikendalikan HDC.

Hasil Kajian

Setelah mengumpulkan semua data yang diperlukan dalam kajian ini, maka hasil kajian adalah sebagaimana berikut:

Ujrah

Ujrah berasal dari kalimat *ajara* dan seperti yang dinyatakan Ibn Manzur dalam Lisan Al-‘Arab, kalimah *ajara* bererti: *al-Amal ala al-Jaza*, yakni habuan/balasan atas pekerjaan/usaha/amalan. Al-Munawwir (1984) mengatakan ujrah sebagai meberi upah atau hadiah dan munjid al-Tulab (1987) memberi makna ujran sebagai memberi balasan. Ada juga ujrah yang membawa pengertian balasan pahala yang diberi atas amalan, sepetimana firman Allah SWT dalam Surah al-Kahfi 18:30, maksudnya: “Sebenarnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh sudah tetap Kami tidak akan menghilangkan pahala orang-orang yang berusaha memperbaiki amalnya”.

Ujrah merupakan bayaran upah/bayaran atas pekerjaan kepada yang membuat kerja dengan imbuhan yang setimpal dengan pekerjaan yang dilaksanakan (Setiyawan et al. 2018).

Ujrah membawa makna kaunter nilai yang khusus untuk kerja tertentu atau manfaatnya (ISRA 2010). Definisi daripada Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara ke-7 adalah seorang majikan menggunakan khidmat seseorang dengan memberi gaji kepadanya dengan pertimbangan khidmat yang diupah. Majikan didalam kes ini diistilah sebagai *musta’jir*, dan pekerja sebagai ‘*Ajir*’ manakala gaji yang di bayar dan ditawarkan adalah ‘*Ujrah* (M Ismail al-Fatani t.th).

Pensyariatan ujrah

Islam sendiri dalam pensyariatannya, khususnya Al-Quran hanya membahas ujrah secara umum, konsep tersebut dirangkum dalam bentuk falsafah yang masih boleh dibahaskan lagi namun sebahagiannya dirujuk kepada Sunnah Rasulullah iaitu Hadith dan diambil juga daripada hujjah fuqaha. Akan tetapi bukan bererti konsep ujrah tidak teratur namun ia mempunyai maksud yang tersirat yang tersendiri mengikut keadaan dan situasi tertentu.

Firman Allah dalam surah al-talaq 65:6, yang maksudnya:

Jika mereka (isteri) menyusukan anak untuk kamu, maka berikanlah kepada mereka upahnya dan berundinglah di antara kamu (dalam hal menyusunya) dengan cara yang baik dan

(sebaliknya) jika kamu (dari kedua pihak) mengalami kesulitan, maka bolehlah perempuan lain menyusukannya.

Mengikut tafsir Ibnu Kathir (1999), yakni apabila pihak lelaki dan pihak wanita berselisih, misalnya pihak wanita menuntut upah yang banyak daripada jasa penyusuannya, sedangkan pihak lelaki tidak menyetujuinya, atau pihak lelaki memberinya upah yang minimum dan pihak perempuan tidak menyetujuinya, maka perempuan lain boleh menyusukan anaknya itu. Tetapi seandainya pihak si ibu bayi rela dengan upah yang sama seperti yang diberikan kepad perempuan lain, maka yang paling berhak menyusui bayi itu adalah ibunya.

Diriwayatkan dari Abdullah bin Umar RA, Nabi SAW telah berkata “Berilah upahnya sebelum kering keringatnya. (HR Ibn Majah dan disahihkan al-Bani)

Berdasarkan hadith tersebut saranan haruslah diberikan upah tepat pada waktunya dan dipercepatkan lagi sehingga ia mempunyai kesempatan untuk membelanjakannya (mengambil manfaat) untuk keperluan hariannya dan pada hari keesokannya dia mampu melaksanakan kerjanya (memberi manfaat) dengan lebih baik.

Para Fuqaha telah bersepakat tentang kebolehan dan keharusan melaksanakan ujrah oleh kerana manusia berhajat untuk menggunakan manfaat sesuatu sama seperti keperluan mereka kepada barang-barang. Justeru itu apabila jual beli barang-barang diharuskan, maka aqad Ijarah/Ujrah ke atas manfaat juga diharuskan (Ibn Qudamah 1994).

Syarat bagi Perkhidmatan

Merangkumi perkhidmatan/kerja yang boleh dinilai dengan wang. Ia juga bukanlah ibadat yang mewajibkan niat seperti solat dan puasa kecuali haji. Antara yang boleh dimaksudkan dengan perkhidmatan ialah kerja dengan menggunakan tenaga atau kepakaran seperti mengangkat barang, membersih pejabat, menulis, mengajar dan sebagainya dengan bayaran.

Semasa membuat atau memproses sesuatu barang produk ataupun perkhiriman yang ada ditangan mengambil ia sebagai amanah supaya menjaga dengan baik. Sekiranya rosak ataupun tidak melaksanakan disebabkan kecuaian ataupun secara sengaja maka ia wajib menanggungnya (Mohd Bakri Haji Mansor 1998).

Setiyawan (2018) telah mengkaji bahawa perkhidmatan berasaskan jaminan perlu dititikberatkan karena melibatkan beberapa pihak. Perkhidmatan melibatkan syarikat dalam mengeluarkan sesuatu produk adalah amat berat dan diperlukan tanggungjawab dan amanah. Ini bertujuan untuk mengelak perbuatan yang membawa kepada cuai dan lalai dalam menguruskan proses pengeluaran. Bagi pihak pelanggan pula perlu mendapat haknya, iaitu manfaat khidmat yang baik. Hubungan pelanggan dan syarikat akan melahirkan kerjasama dalam aktiviti yang berunsurkan kepada saling lindung melindungi dan tolong menolong dalam melakukan sesuatu kerja.

Syarat bayaran Ujrah

Antara perkara yang disyaratkan adalah jelas kadar yang ditentukan merupakan sesuatu yang bernilai.

Dalam hadith, maksudnya: “Daripada Abu Hurairah radliallahu 'anhu berkata. Bahawa Rasullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda Barang siapa yang mengerjakan (memberi kerja)

seseorang, maka hendaklah ia memberitahukan kadar upahnya". (Al-Baihaqi, Sunan Qubrah 6,120).

Ujrah memberikan motivasi bagi pekerja agar melakukan kerja dengan baik dan penuh kesungguhan dan tanggungjawab (Setiyawan 2012).

Pengenalan Dan Sejarah Ringkas Halal Industry Development Corporation (HDC)

Menurut Malaysia Halal Industry Development Corporation menjelaskan bahawa Halal bukan sekadar satu cara hidup, HDC adalah satu institusi penggerak industri global. Yang mempunyai kepentingan dalam sektor komersial di seluruh dunia, Pembangunan Halal telah menjadi penyumbang utama kepada semua aspek pertumbuhan ekonomi. Oleh itu, HDC dibangunkan sebagai industri yang mengawal selia industri-industri halal swasta dan badan kerajaan (Official web. <<http://www.hdcglobal.com/publisher/about>>. Accessed: 2008-2013).

HDC telah ditubuhkan pada 18 September 2006, menyelaraskan Perbadanan Pembangunan Industri Halal dan pembangunan keseluruhan industri halal di Malaysia. Dengan memberi tumpuan kepada pembangunan standard Halal, audit dan pensijilan, serta pembinaan keupayaan bagi produk dan perkhidmatan halal, HDC menggalakkan penyertaan dan memudahkan pertumbuhan syarikat-syarikat Malaysia dalam pasaran Halal global.

Industri ini juga berniat dan merancang untuk membina komuniti Halal global, HDC membawa industri Halal Malaysia secara serentak ke arah matlamat yang sama. Dengan memupuk pertumbuhan dan penglibatan perniagaan tempatan ke pasaran Halal global, HDC menetapkan sasaran untuk amalan terbaik Halal di Malaysia dengan membangunkan piawaian Halal global.

Melalui pengetahuan yang dinamik dan pengalaman, HDC adalah pintu masuk ke arah pemahaman yang lebih baik mengenai Halal untuk semua. Sehubungan dengan itu, visi HDC ingin menjadikan Malaysia sebagai Hub Halal Global dan Misinya adalah untuk mewujudkan nilai dalam perniagaan yang mengambil bahagian dalam Industri Halal Global dan memberi manfaat kepada ekonomi Malaysia khususnya.

Peranan Dan Tanggungjawab

HDC adalah jawapan Malaysia kepada keadaan momentum sekarang yang terbina di seluruh dunia, bagi produk dan perkhidmatan yang lebih berkualiti dan seterusnya memberi impak kepada pengguna mendapat keyakinan dalam proses Halal yang dijalankan di dalam perindustrian. HDC akan menyediakan pengeluar, pengedar, peruncit, usahawan, penyelidik dan pelabur. Oleh yang demikian semua elemen-elemen tersebut yang difokuskan untuk menembusi pasaran Halal global melalui pengalaman dan kepakaran Malaysia dalam sektor makanan dan bukan makanan bersumberkan langkah-langkah HDC laksanakan.

Dengan itu peranan dan tanggungjawab HDC ialah:

- Menerajui pembangunan standard Halal, prosedur audit dan pensijilan untuk melindungi integriti Halal.
- Untuk mengarah dan menyelaras pembangunan industri Halal Malaysia di kalangan semua pihak berkepentingan sama ada awam mahupun swasta
- Mengurus pembangunan kapasiti bagi pengeluar Halal dan penyedia perkhidmatan yang berkaitan.
- Bagi menyokong pelaburan ke dalam industri Halal Malaysia.

- Untuk membantu pertumbuhan dan penyertaan syarikat-syarikat Malaysia dalam pasaran Halal global.
- Membangun, mempromosi dan memasarkan jenama Halal Malaysia.
- Untuk mempromosikan konsep barang dan perkhidmatan Halal dan yang berkaitan.

Perkhidmatan Bimbingan Nasihat Dan Kursus Latihan Halal Di Hdc

Malaysia Halal Industry Development Corporation menjelaskan bahawa selaras dengan tugasnya untuk meningkatkan kesedaran mengenai halal, HDC menawarkan modul-modul halal berorientasikan latihan, garis panduan pensijilan, dan khidmat nasihat teknikal untuk sesiapa sahaja yang bertujuan untuk lebih memahami semua tentang halal. Program-program yang menyentuh undang-undang syariah, proses pensijilan, kepenggunaan dan keselamatan makanan dan adalah mengikut Analisis Bahaya dan Amalan Pengilangan Baik (GMP) standard dan sistem pengurusan lain yang berkaitan (<http://www.hdcglobal.com/publisher/about>. Accessed: 20/08/2013).

Konsep Latihan Halal di HDC

PERKHIDMATAN

Pengkhususan:

Merangkumi semua aspek topik industri Halal, kursus HDC dibangunkan untuk memenuhi keperluan industri Halal. Ini termasuk kedua-dua perkara berkaitan halal iaitu teori Halal dan memahami bahagian praktikal sistem pengurusan Halal.

Kursus ini, memenuhi kehendak dua pihak Muslim dan Non-Muslim sebagai target pelanggan, mengenai keseluruhan produk, keselamatan, kebersihan dan produk pengguna (kosmetik dan farmasi).

Modul:

Semua modul HDC sedang dibangunkan melalui kerjasama rapat dengan universiti-universiti, industri dan pusat penyelidikan. Seperti IHRAM USIM, IPPH UPM, KFC. Sebaliknya, modul direka khas untuk meliputi aspek-aspek bukan sahaja syari'at, tetapi juga pasaran Halal (business player), makanan Halal & kepenggunaan dan proses pensijilan Halal, ditambah dengan senario industri Halal nasional dan global bersama-sama dengan bioteknologi dan teknologi semasa.

Perkhidmatan/kerja boleh bertujuan untuk bekerja dengan menggunakan tenaga atau kepakaran seperti mengangkat, pembersih pejabat, menulis, mengajar dan sebagainya dengan dikenakan bayaran. Apabila bekerja atau memproses produk, barang atau perkhidmatan yang disediakan di tangan untuk mengambilnya sebagai amanah untuk mengambil penjagaan yang baik. Jika rosak atau tidak berfungsi disebabkan kecuaian atau sengaja maka ia perlu menanggung.

Al-'Ajir

Jurulatih:

Penglibatan pakar-pakar bidang tempatan dan antarabangsa sebagai jurulatih dan pakar subjek membawa pengalaman yang penting yang berhubungan dengan segala perkara yang Halal.

Ini memastikan bahawa peserta dapat manfaatkan pengalaman bertahun-tahun bersama-sama dengan penemuan akademik terkini dalam penyelidikan dan pembangunan industri Halal.


Musta'jir

Pengalaman Latihan:

Pengetahuan adalah kuasa, jadi pengalaman latihan HDC adalah kekuatan teras kami. Malah, melalui agenda latihan antarabangsa, HDC telah berjaya menjalankan program-program latihan di seluruh dunia, di negara-negara seperti Turki, Australia, China, dan Jepun.

Tempat Latihan

Keperluan yang lengkap, pusat latihan yang kondusif adalah bertaraf antarabangsa.



Gambar Rajah Perkaitan Perkhidmatan HDC Dan Rukun Ujrah

Kadar Ujrah (Pekelingiling Perbendaharaan Malaysia)

Semua pegawai tetap, kontrak, sementara, sambilan dan pekerja lapangan yang memberi syarahan/ceramah sambilan atau menjadi fasilitator sambilan adalah layak dibayar saguhati atas kadar seperti berikut:

Kumpulan Perkhidmatan	Kadar Bayaran Saguhati		Had Maksimum Sebulan
	Pensyarah/Pence ramah sambilan	Fasilitator Sambilan	
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	RM 300.00 sejam	RM 100.00 sejam	
Kumpulan Pengurusan & Professional Gred 53 & 54	RM 200.00 sejam	RM 100.00 sejam	

Kumpulan Pengurusan & Professional Gred 45-52	RM 150.00 sejam	RM 90.00 sejam	Tidak melebihi ½ daripada gaji bulanan pegawai
Kumpulan Pengurusan & Professional Gred 41 & 44	RM 120.00 sejam	RM 80.00 sejam	
Kumpulan Sokongan	RM 80.00 sejam	RM 60.00 sejam	

Syarat

Kelayakan bayaran saguhati ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

1. Pegawai yang memberi syarahan/ceramah atau dilantik sebagai fasilitator hendaklah mendapat kelulusan daripada Ketua Jabatannya;
2. Memberi syarahan/ceramah atau menjadi fasilitator bukan merupakan sebahagian daripada tugas rasmi pegawai;
3. Pegawai dari unit/institusi latihan/pengajian, maktab/institusi perguruan dan sekolah di mana tugas memberi syarahan/ceramah adalah sebahagian daripada tugas mereka, bayaran saguhati boleh dibayar sekiranya kursus/bengkel/majlis rasmi bukan dianjurkan dan bukan merupakan program jabatan/institusi/maktab/sekolah yang sama;
4. Urus setia yang memberi syarahan/ceramah atau menjadi fasilitator dalam program yang dianjurkannya tidak layak bayaran saguhati di bawah Pekeliling ini;
5. Bayaran saguhati boleh diberi mengikut kadar setengah jam bagi setiap setengah jam yang genap sekiranya waktu syarahan/ceramah yang ditetapkan oleh pengajur kursus/bengkel/majlis rasmi melebihi satu jam; dan
6. Pensyarah/penceramah/fasilitator sambilan yang diberikan cenderamata adalah tidak layak dibayar saguhati di bawah Pekeliling ini.

Kesimpulan

Malaysia Halal Industry Development Corporation(HDC) merupakan institusi yang terlibat dalam menggerakkan industri di Malaysia ini. Bertujuan untuk memberi pendedahan terhadap industri halal melalui perkhidmatan, pembelajaran dan pengajaran yang diperlukan industri halal.

Produk pembelajaran dan pengajaran ini dijalankan melalui pelatihan, kursus, garis panduan pensijilan, dan khidmat nasihat teknikal untuk sesiapa sahaja yang berminat memahami halal. Program-program yang menyentuh undang-undang syariah, proses pensijilan, kepenggunaan dan keselamatan makanan dan adalah mengikut Analisis Bahaya dan Amalan Pengilangan Baik (GMP) standard dan sistem pengurusan lain yang berkaitan.

Seterusnya, perkhidmatan yang ditwarakan HDC menggunakan konsep ujrah. Selaras dengan visi untuk menghasilkan ahli perniagaan dan masyarakat mengamalkan ujrah dalam industry halal dengan cara yang baik, kajian ini bercita-cita untuk melaksanakan dan menyatukan konsep industri halal ujrah. Perbezaan antara ujrah dan industri halal mampu bersaing di peringkat global. Secara umum, masyarakat akan tahu keperluan ujrah perkhidmatan yang dijalankan di industri halal berdasarkan Latihan yang diberikan oleh HDC.

Rujukan

Al-Quran.

Al-Baihaqi, Abu Bakr Ahmad ibn Husayn ibn Ali ibn Musa al-Khosrojerdi. (2010). *al-Sunan al-Kubra*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.

Ibn Kathir, Abu al-Fida Imad al-Din Ismail ibn Umar al-Dimashq. (1999). *Tafsir Ibn Kathir*. Riyadh: Dar Tayyibah.

Ibn Majah, Abu Abdillah Muhammad ibn Yazid. (2009). *Sunan*. Qahirah: Dar Ihya al-Kutub al-Arabiyyah.

Ibn Manzur, Muhammad ibn Mukarram ibn `Alī ibn Ahmad ibn Manzūr al-Ansārī al-Ifrīqī al-Misrī al-Khazrajī Jamāl al-Dīn Abū al-Fadl. (2000). *Lisan Al-‘Arab*. Beirut: Dar Sader.

Ibn Qudamah. (1994). *al-Mughni*. Beirut: Dar al-Fikr.

Isra Compendium for Islamic Financial Terms, International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA). 2010

M Ismail alfatani. (t.th). *Matla' badrain Majmuk Albahrain*. Thailand: Matbaah bin Halabi. hlm. 121.

Malaysia Halal Industry Development Corporation. Official web. <<http://www.hdcglobal.com/publisher/about>>. Accessed: 2008-2013.

Mohd Bakri Haji Mansor. (1998). *Konsep syariah dalam sistem perbankan Islam*. Kuala Lumpur: Institut of Research and Training. hlm. 58.

al-Munawwir Kamus Arab-Indonesia. (1984). Yogyakarta: Pustaka Progresif.

Munjid al-Tulab. (1987). Beirut: Dar al-Mashriq.

Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara ke-7. e-muamalat.islam.gov.my.

Setiyawan Gunardi. (2012). Retakaful: Penilaian terhadap konsep, prinsip dan aplikasinya menurut perspektif syariah. Tesis Phd. Fakulti Pengajian ISLAM, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Setiyawan Gunardi. (2018). Ujrah: Konsep Ganjaran yang Dinamik dan Aplikasinya dalam Institusi Kewangan Islam. Dlm. Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali (Ed.). *Pengurusan harta & keusahawanan Islam*, hlm. 86-103. Nilai: Penerbit USIM.

Setiyawan Gunardi, Yasmin Hanani MS, Muneer AAR, Mohd Nasir AM, Mualimin MS, Syafiah AJ. 2018. *al-Ujrah fi Manzur Mazhabay al-Shafi'i wa al-Hanbali*: Dirasah Muqaranah. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 7, Jun, hlm. 293-334.